

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM

NO. RUJUKAN : DR044

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status kualiti air Teluk Batik di daerah Manjung, Perak sebagai tempat berenang dan aktiviti laut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pemantauan kualiti air marin yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar daripada tahun 2012 sehingga tahun 2015, adalah didapati kualiti air marin di kawasan pantai Teluk Batik, Manjung, Perak mematuhi standard piawaian Kelas 2 bagi kawasan rekreasi sepertimana yang ditetapkan di dalam Jadual Kriteria dan Piawaian Kualiti Air Marin Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Oleh yang demikian, Pantai Teluk Batik sesuai untuk kegunaan aktiviti air yang melibatkan sentuhan (*body contact*) dengan air berkenaan seperti berenang dan lain-lain aktiviti.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 220

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan penyiasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Encik Hasrul Fairuz Bin Hushin selaku Presiden Majlis Belia Negeri Perak, Pengerusi Majlis Belia Daerah Kinta dan Pengerusi Gabungan Pelajar Semanjung Negeri Perak yang didakwa telah melakukan penyelewengan dana awam.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Yang Berhormat Beruas, kes ini masih lagi dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sekian, terima kasih.